ADVISORY SERVICE ON IHL

ICRC

# INTERNATIONAL HUMANITARIAN LAW INTERNATIONAL HUMAN RIGHTS LAW

## SIMILARITIES AND DIFFERENCES



Both international humanitarian law (IHL) and international human rights law (IHRL) strive to protect the lives, health and dignity of individuals, albeit from a different angle. It is therefore not surprising that, while very different in formulation, the essence of some of the rules is similar, if not identical. For example, the two bodies of law aim to protect human life, prohibit torture or cruel treatment, prescribe basic rights for persons subject to a criminal justice process, prohibit discrimination, comprise provisions for the protection of women and children, regulate aspects of the right to food and health. On the other hand, rules of IHL deal with many issues that are outside the purview of IHRL, such as the conduct of hostilities, combatant and prisoner of war status and the protection of the red cross and red crescent emblems. Similarly, IHRL deals with aspects of life in peacetime that are not regulated by IHL, such as freedom of the press, the right to assembly, to vote and to strike.

## WHAT IS INTERNATIONAL HUMANITARIAN LAW?

IHL is a set of international rules, established by treaty or custom, which are specifically intended to solve humanitarian problems directly arising from international or non-international armed conflicts. It protects persons and property that are, or may be, affected by an armed conflict and limits the rights of the parties to a conflict to use methods and means of warfare of their choice.

*IHL is a set of international rules, specifically intended to protects persons and property that are, or may be, affected by an armed conflict. They also limit the rights of parties to a conflict to use methods and means of warfare of their choice.*

IHL main treaty sources applicable in international armed conflict are the four Geneva Conventions of 1949 and their Additional Protocol I of 1977. The main treaty sources applicable in non-international armed conflict are article 3 common to the Geneva Conventions and Additional Protocol II of 1977.

## ...AND WHAT IS INTERNATIONAL HUMAN RIGHTS LAW?

IHRL is a set of international rules, established by treaty or custom, on the basis of which individuals and groups can expect and/or claim certain behavior or benefits from governments. Human rights are inherent entitlements which belong to every person as a consequence of being human. Numerous non-treaty based principles and guidelines ("soft law") also belong to the body of international human rights standards.

IHRL main treaty sources are the International Covenants on Civil and Political Rights and on Economic, Social and Cultural Rights (1966), as well as Conventions on Genocide (1948), Racial Discrimination (1965), Discrimination Against Women (1979), Torture (1984), Rights of the Child (1989), Enforced Disappearances (2006), and Rights of Persons with Disabilities (2006). The main regional instruments are the European Convention for the Protection of Human Rights and Fundamental Freedoms (1950), the American Declaration of the Rights and Duties of Man (1948) and Convention on Human Rights (1969), and the African Charter on Human and Peoples' Rights (1981).

*IHRL is a set of international rules, on the basis of which individuals and groups can expect certain behavior or claim inherent entitlements from governments as a consequence of being human.*

While IHL and IHRL have historically had a separate development, recent treaties include provisions from both bodies of law. Examples are the Convention on the Rights of the Child, its Optional Protocol on the Participation of Children in Armed Conflict, and the Rome Statute of the International Criminal Court.

## WHEN ARE THEY APPLICABLE?

IHL is applicable in times of armed conflict, whether international or non-international. International conflicts are wars involving two or more states, situations of occupations or fights for self-determination. Non-international armed conflicts are those in which government forces are fighting against armed insurgents, or rebel groups are fighting among themselves. Because IHL deals with an exceptional situation – armed conflict – no derogations whatsoever from its provisions are permitted.

In principle, IHRL applies at all times, i.e. both in peacetime and in situations of armed conflict. However, some IHRL treaties permit governments to derogate from certain rights in situations of public emergency threatening the life of the nation. Derogations must, however, be proportional to the crisis at hand, must not be introduced on a discriminatory basis and must not contravene other rules of international law – including rules of IHL.

Certain universal human rights are never derogable. Among them are the right not to be arbitrarily deprived of life, prohibition of torture or cruel, inhuman or degrading treatment or punishment, prohibition of slavery and servitude and the prohibition of retroactive criminal laws.

## WHO IS BOUND BY THESE BODIES OF LAW?

IHL binds all parties to an armed conflict: in international conflicts it must be observed by the states involved, whereas in internal conflict it binds the government, as well as the groups fighting against it or among themselves. Thus, IHL lays down rules that are applicable to both state and non-state actors.

IHRL lays down rules binding governments in their relations with individuals. While there is a growing body of opinion according to which non-state actors – particularly if they exercise government-like functions – must also be expected to respect human rights norms, the issue remains unsettled.

> *Both...IHL and...IHRL strive to protect the lives, health and dignity of individuals, albeit from a different angle.*

## ARE INDIVIDUALS ALSO BOUND?

IHL imposes obligations on individuals and also provides that persons may be held individually criminally responsible for "grave breaches" of the Geneva Conventions and of Additional Protocol I, and for other serious violations of the laws and customs of war (war crimes). Treaty IHL clearly requires States to establish universal jurisdiction over "grave breaches". For other serious violations of the laws and customs of war, under Customary IHL (Rule 157 CIHL Study), States have the right to vest universal jurisdiction.[1] With the establishment of both the ad hoc International Criminal Tribunals for the former Yugoslavia and Rwanda at the beginning of the 1990s, and their resulting jurisprudence, individuals have also been held accountable for war crimes committed in non-international armed conflicts. The entry into force of the Rome Statute of the International Criminal Court has solidified such development.

While individuals generally do not have specific duties under IHRL treaties, IHRL also provides for individual criminal responsibility for violations that may constitute international crimes, such as genocide, crimes against humanity and torture. These crimes are also subject to universal jurisdiction.

The ad hoc International Criminal Tribunals for the former Yugoslavia and Rwanda, as well as the International Criminal Court, have jurisdiction over violations of both IHL and IHRL.

## WHO IS PROTECTED?

IHL aims to protect persons who do not, or are no longer directly taking part in hostilities. Applicable in international armed conflicts, the Geneva Conventions deal with the treatment of the wounded and sick in the armed forces in the field (Convention I), wounded, sick and shipwrecked members of the armed forces at sea (Convention II), prisoners of war (Convention III) and civilian persons (Convention IV). Under Convention IV and Protocol I, civilian persons include internally displaced persons, women, children, refugees, stateless persons, journalists and other categories of individuals.

Similarly, the rules applicable in non-international armed conflict (article 3 common to the Geneva Conventions and Protocol II) deal with the treatment of persons not taking, or no longer directly taking part in the hostilities.

> *While IHL is applicable in times of armed conflict, IHRL applies at all times, i.e. both in peacetime and in situations of armed conflict.*

IHL also protects civilians through rules on the conduct of hostilities. For example, parties to a conflict must at all times distinguish between combatants and non-combatants and between civilian objects and military objectives. Neither the civilian population as a whole nor individual civilians may be the object of attack. It is also prohibited to attack military objectives if that would cause disproportionate harm to civilians or civilian objects.

IHRL, being tailored primarily for peacetime, applies to all persons.

---

1 For more information on universal jurisdiction, please refer to the Advisory Service Fact-sheet entitled *"Universal jurisdiction over war crimes"*

## WHAT IS THE SYSTEM OF IMPLEMENTATION...

## ...AT THE NATIONAL LEVEL?

The duty to implement both IHL and IHRL lies first and foremost with states.

States have a duty to take a number of legal and practical measures – both in peacetime and in armed conflict situations – aimed at ensuring full compliance with IHL, including:

- preventing and punishing war crimes, through the enactment of penal legislation;
- protecting the red cross, red crescent and red crystal emblems;[2]
- applying fundamental and judicial guarantees;
- disseminating IHL;
- training personnel qualified in IHL and appointing legal advisers to the armed forces.

IHRL also contains provisions obliging states to implement its rules, whether immediately or progressively. They must adopt a variety of legislative, administrative, judicial and other measures that may be necessary to give effect to the rights provided for in the treaties. This may include enacting criminal legislation to outlaw and repress acts prohibited under IHRL treaties, or providing for a remedy before domestic courts for violations of specific rights and ensuring that the remedy is effective.

> *IHL binds all actors to an armed conflict while IHRL lays down rules binding governments in their relations with individuals.*

## ...AT THE INTERNATIONAL LEVEL?

As regards international implementation, states have the responsibility to respect and to ensure respect for IHL in all circumstances. The system also comprises the Protecting Power mechanism, the enquiry procedure and the International Humanitarian Fact-Finding Commission envisaged in Article 90 of Protocol I. States parties to Protocol I also undertake to act in cooperation with the United Nations in situations of serious violations of Protocol I or of the Geneva Conventions.

The ICRC is a key component of the system, by virtue of the mandate entrusted to it under the Geneva Conventions, their Additional Protocols and the Statutes of the International Red Cross and Red Crescent Movement. It ensures protection and assistance to victims of war, encourages states to implement their IHL obligations and promotes and prepares any development of IHL. ICRC's right of initiative allows it to offer its services or to undertake any action which it deems necessary to ensure the faithful application of IHL.

> *IHL aims to protect persons who do not, or are no longer taking part in hostilities. It also protects civilians through rules on the conduct of hostilities.*

The IHRL supervisory system consists of bodies established either by the United Nations Charter or by the main IHRL treaties. The principal UN Charter-based organ is the Human Rights Council. "Special procedures" have also been developed by the Human Rights Council over the last two decades, i.e. thematic or country-specific special rapporteurs, and working groups entrusted with monitoring and reporting on the human rights situations within their mandates.

Ten of the main IHRL treaties also provide for the establishment of committees of independent experts charged with monitoring their implementation.

2 The 1949 Geneva Conventions recognized also the red lion and sun as another emblem. However, it is no longer used.

A key role is played by the Office of the High Commissioner for Human Rights which has primary responsibility for the overall protection and promotion of human rights. The Office aims to enhance the effectiveness of the UN's human rights machinery, to increase UN system-wide implementation and coordination of human rights, to build national, regional and international capacity to promote and protect human rights and to disseminate human rights texts and information.

## ...AT THE REGIONAL LEVEL?

The work of regional human rights courts and commissions established under the main regional human rights treaties in Europe, the Americas and Africa is a distinct feature of IHRL, with no equivalent in IHL. Regional human rights mechanisms are, however, increasingly examining violations of IHL.

*IHRL, being tailored primarily for peacetime, applies to all persons.*

The European Court of Human Rights is the centrepiece of the European system of human rights protection under the 1950 European Convention. The main regional supervisory bodies in the Americas are the Inter-American Commission on Human Rights and the Inter-American Court of Human Rights. The African Commission on Human and Peoples' Rights and the African Court on Human and Peoples' Rights are the supervisory bodies established under the 1981 African Charter.

**MISSION**

The International Committee of the Red Cross (ICRC) is an impartial, neutral and independent organization whose exclusively humanitarian mission is to protect the lives and dignity of victims of armed conflict and other situations of violence and to provide them with assistance. The ICRC also endeavours to prevent suffering by promoting and strengthening humanitarian law and universal humanitarian principles. Established in 1863, the ICRC is at the origin of the Geneva Conventions and the International Red Cross and Red Crescent Movement. It directs and coordinates the international activities conducted by the Movement in armed conflicts and other situations of violence.

facebook.com/icrc
twitter.com/icrc
instagram.com/icrc

ICRC

International Committee of the Red Cross
19, avenue de la Paix
1202 Geneva, Switzerland
T +41 22 734 60 01
shop.icrc.org
© ICRC, April 2021

Cover photo: Q. Almoayed/ICRC
04.2021

# UNDANG-UNDANG KEMANUSIAAN ANTARABANGSA UNDANG-UNDANG HAK ASASI MANUSIA ANTARABANGSA

## PERSAMAAN DAN PERBEZAAN



Undang-undang kemanusiaan antarabangsa (*International Humantarian Law* atau UUKA dan undang-undang hak asasi manusia antarabangsa (*International Human Rights Law* atau UHAM) berusaha untuk melindungi nyawa, kesihatan dan maruah individu, walaupun dari sudut yang berbeza. Oleh itu, tidak menghairankan apabila inti pati beberapa peraturannya serupa, jika tidak sama, walaupun perumusan kedua-duanya sangat berbeza. Sebagai contoh, kedua-dua badan undang-undang tersebut mempunyai matlamat untuk melindungi nyawa manusia, melarang penyeksaan atau perlakuan kejam, menetapkan hak asasi bagi orang yang tertakluk kepada proses keadilan jenayah, melarang diskriminasi, mengandungi peruntukan bagi melindungi wanita dan kanak-kanak, mengawal selia aspek hak kepada makanan dan kesihatan. Selain itu, peraturan UUKA menangani banyak isu yang berada di luar skop UHAM, seperti perlakuan permusuhan, status penempur dan tawanan perang serta perlindungan lambang palang merah dan bulan sabit merah. Begitu juga dengan UUKA yang menangani aspek kehidupan semasa aman yang tidak dikawal selia oleh UUKA, seperti kebebasan akhbar, hak untuk berhimpun, mengundi dan mogok.

## APA ITU UNDANG-UNDANG KEMANUSIAAN ANTARABANGSA?

UUKA ialah satu set peraturan antarabangsa yang diperuntukkan melalui triti atau adat antarabangsa, dan secara khusus bertujuan untuk menyelesaikan masalah-masalah kemanusiaan yang timbul secara langsung daripada konflik bersenjata antarabangsa atau bukan antarabangsa. UUKA melindungi orang dan harta benda yang terkesan atau boleh terkesan oleh konflik bersenjata dan mengehadkan hak pihak-pihak yang terlibat dalam konflik untuk menggunakan kaedah dan senjata peperangan pilihan mereka.

*UUKA ialah satu set peraturan antarabangsa yang secara khusus bertujuan untuk melindungi orang dan harta benda yang terkesan atau mungkin terkesan oleh konflik bersenjata. UUKA juga mengehadkan hak pihak yang terlibat dalam konflik untuk menggunakan kaedah dan senjata peperangan pilihan mereka.*

Sumber-sumber triti utama bagi UUKA yang terpakai dalam konflik bersenjata antarabangsa ialah empat Konvensyen Geneva 1949 dan Protokol Tambahan I, 1977. Sumber triti utama yang terpakai dalam konflik bersenjata bukan antarabangsa ialah perkara 3 dalam Konvensyen-Konvensyen Geneva dan juga Protokol Tambahan II, 1977.

## ... DAN APA ITU UNDANG-UNDANG HAK ASASI MANUSIA ANTARABANGSA?

UHAM ialah satu set peraturan antarabangsa yang diperuntukkan melalui triti atau adat, dan dari mana individu-individu dan kumpulan-kumpulan boleh mengharapkan dan/atau menuntut tindakan atau manfaat tertentu daripada kerajaan mereka. Hak asasi manusia adalah hak sedia ada yang dimiliki setiap orang atas sebab kemanusiaannya. Banyak prinsip dan garis panduan yang tidak berasaskan triti ("undang-undang lembut") juga tergolong dalam kerangka piawaian hak asasi manusia antarabangsa.

Sumber triti utama bagi UHAM ialah Waad Antarabangsa tentang Hak-Hak Sivil dan Politik (*International Covenant on Civil and Political Rights*) serta tentang Hak-Hak Ekonomi, Sosial dan Budaya (*International Covenant on Economic Social and Cultural Rights*) (1966), serta Konvensyen-Konvenyen tentang Genosid (1948), Diskriminasi Kaum (1965), Diskriminasi Terhadap Wanita (1979), Penyeksaan (1984), Hak-Hak Kanak-Kanak (1989), Penghilangan secara Paksa (2006), dan Hak-Hak Orang Kurang Upaya (2006). Instrumen-instrumen serantau utama ialah Konvensyen Eropah bagi Perlindungan Hak Asasi Manusia dan Kebebasan Asasi (1950), Perisytiharan Amerika tentang Hak dan Tanggungjawab Manusia (1948) dan Konvensyen Hak Asasi Manusia (1969), dan Piagam Afrika tentang Hak Asasi Manusia dan Masyarakat (1981).

*UHAM ialah satu set peraturan antarabangsa yang mana individu-individu dan kumpulan-kumpulan boleh mengharapkan dan/atau menuntut tindakan atau manfaat tertentu ke atas kerajaan mereka, berdasarkan hak sedia ada yang dimiliki setiap orang sebagai seorang manusia*

Walaupun UUKA dan UHAM mempunyai sejarah perkembangan masing-masing, triti-triti kebelakangan ini mengandungi peruntukan-peruntukan daripada kedua-dua badan undang-undang seperti dibawah Konvensyen tentang Hak Kanak-Kanak dan Protokol Pilihannya tentang Pelibatan Kanak-Kanak dalam Konflik Bersenjata, serta dibawah Statut Rom Mahkamah Jenayah Antarabangsa.

## BILAKAH UUKA DAN UHAM TERPAKAI?

UUKA terpakai semasa konflik bersenjata, sama ada antarabangsa atau bukan antarabangsa. Konflik antarabangsa adalah peperangan yang melibatkan dua atau lebih negara, situasi pendudukan atau pertempuran untuk menentukan masa depan negara. Konflik bersenjata bukan antarabangsa adalah konflik yang mana tentera kerajaan bertempur menentang pemberontak bersenjata, atau kumpulan-kumpulan bersenjata bertempur sesama mereka. Oleh sebab UUKA menangani situasi yang luar biasa, iaitu konflik bersenjata, pengurangan kuasa mana-mana peruntukan tidak dibenarkan sama sekali.

Pada dasarnya, UHAM terpakai pada setiap masa, iaitu semasa aman dan dalam situasi konflik bersenjata. Walau bagaimanapun, sesetengah triti UHAM membenarkan kerajaan mengurangkan kuasa hak-hak tertentu dalam situasi kecemasan awam yang mengancam kelangsungan hidup negara itu. Namun, pengurangan tersebut mestilah berkadaran dengan krisis yang dihadapi, tidak boleh dikuatkuasa secara diskriminasi, dan tidak boleh melanggar peraturan undang-undang antarabangsa yang lain – termasuk peraturan UUKA.

Ada juga hak asasi manusia sejagat tertentu yang tidak sekali-kali boleh dikurangkan kuasa. Ini termasuklah hak untuk tidak dilucutkan nyawa dan kehidupan secara arbitrari, larangan penyeksaan dan layanan atau hukuman yang kejam, tidak berperikemanusiaan atau menghina, larangan perhambaan dan buruh paksa serta larangan undang-undang jenayah retroaktif.

## SIAPAKAH YANG TERIKAT DENGAN BADAN-BADAN UNDANG-UNDANG INI?

UUKA mengikat semua pihak yang terlibat dalam konflik bersenjata: di dalam konflik antarabangsa, UUKA mesti dipatuhi oleh semua negara yang terlibat, manakala di dalam konflik bukan antarabangsa UUKA mengikat kerajaan dan kumpulan-kumpulan bersenjata yang menentangnya atau sesama mereka. Oleh itu, UUKA menetapkan peraturan yang terpakai kepada pelaku-pelaku negara dan bukan negara.

UHAM menetapkan peraturan yang mengikat kerajaan-kerajaan dalam hubungan mereka dengan individu-individu. Walaupun pendapat semakin berkembang bahawa pelaku-pelaku bukan negara - terutamanya jika mereka menjalankan fungsi-fungsi seperti kerajaan – juga sepatutnya menghormati norma-norma hak asasi manusia, isu ini masih belum selesai.

> *Kedua-dua UUKA dan UHAM berusaha untuk melindungi nyawa, kesihatan dan maruah individu, walaupun dari sudut yang berbeza.*

## ADAKAH INDIVIDU JUGA TERIKAT?

UUKA menetapkan obligasi ke atas individu-individu, dan memperuntukkan bahawa seseorang individu boleh dipertanggungjawabkan secara individu bagi "pelanggaran-pelanggaran berat" terhadap Konvensyen-Konvensyen Geneva dan Protokol Tambahan I serta pelanggaran- pelanggaran serius undang-undang dan hukum adat perang yang lain (jenayah perang). Triti-triti UUKA jelas menghendaki negara-negara memperuntukkan bidang kuasa sejagat ke atas "pelanggaran-pelanggaran berat". Bagi pelanggaran serius undang-undang dan hukum adat perang yang lain, negara-negara berhak untuk meletakhakkan bidang kuasa sejagat dibawah UUKA Adat (Peraturan 157 Kajian ICRC UUKA Adat).[1] Dengan penubuhan tribunal-tribunal ad hoc jenayah antarabangsa untuk negara-negara bekas Yugoslavia dan Rwanda pada awal 1990-an dan jurisprudens yang terhasil daripadanya, individu-indvidu juga telah dipertanggungjawab untuk jenayah-jenayah perang yang dilakukan semasa konflik bersenjata bukan antarabangsa. Mula berkuatkuasanya Statut Rom Mahkamah Jenayah Antarabangsa juga telah mengukuhkan perkembangan ini.

Walaupun individu-individu secara umumnya tidak mempunyai kewajipan khusus dibawah triti UHAM, UHAM juga memperuntukkan tanggungjawab jenayah individu bagi pelanggaran yang boleh terjumlah kepada jenayah antarabangsa seperti genosid, jenayah terhadap kemanusiaan dan penyeksaan. Jenayah ini juga tertakluk kepada bidang kuasa sejagat.

Tribunal Jenayah Antarabangsa ad hoc untuk negara-negara bekas Yugoslavia dan Rwanda, serta Mahkamah Jenayah Antarabangsa, mempunyai bidang kuasa ke atas pelanggaran-pelanggaran UUKA dan UHAM.

## SIAPAKAH YANG DILINDUNGI?

Matlamat UUKA adalah untuk melindungi orang yang tidak atau tidak lagi terlibat secara langsung dalam pertempuran. Konvensyen-Konvensyen Geneva yang terpakai dalam konflik bersenjata antarabangsa memperuntukkan layanan terhadap mereka yang cedera dan sakit dalam angkatan tentera di lapangan (Konvensyen I), anggota tentera yang cedera, sakit dan ditimpa nahas kapal di laut (Konvensyen II), tawanan perang (Konvensyen III) dan orang awam (Konvensyen IV). Dibawah Konvensyen IV dan Protokol I, orang awam termasuk pelarian dalaman, wanita, kanak-kanak, pelarian, orang tak bernegara, wartawan dan kategori individu yang lain.

> *Walaupun UUKA terpakai semasa konflik bersenjata, UHAM terpakai pada setiap masa, iaitu semasa aman dan dalam situasi konflik bersenjata.*

Selaras itu, peraturan-peraturan yang terpakai dalam konflik bersenjata bukan antarabangsa (Perkara 3 Konvensyen-Konvensyen Geneva dan Protokol Tambahan II) memperuntukkan layanan terhadap mereka yang tidak terlibat atau tidak lagi terlibat secara langsung dalam pertempuran.

UUKA juga melindungi orang awam melalui peraturan-peraturan tentang tingkahlaku pertempuran. Sebagai contoh, pihak-pihak yang terlibat dalam konflik mesti pada setiap masa membezakan antara kombatan dengan bukan kombatan dan antara objek awam dengan objektif ketenteraan. Baik penduduk awam secara keseluruhannya mahupun secara individu tidak boleh menjadi objek serangan. Serangan terhadap objektif ketenteraan juga dilarang jika ia boleh menyebabkan kemudaratan yang melampau kepada orang awam atau objek awam.

UHAM, yang utamanya disesuaikan untuk masa aman, terpakai kepada semua orang.

---

1 Untuk maklumat lanjut tentang bidang kuasa sejagat, sila rujuk Helaian Fakta Khidmat Nasihat bertajuk *"Universal jurisdiction over war crimes"*.

## APAKAH ITU SISTEM PELAKSANAAN...
## ...PADA PERINGKAT NEGARA?

Kewajipan untuk melaksanakan UUKA dan UHAM pertama sekali terletak kepada negara-negara.

Negara-negara mempunyai kewajipan untuk mengambil beberapa langkah undang-undang dan praktikal – semasa aman dan semasa konflik bersenjata – bertujuan untuk memastikan pematuhan sepenuhnya terhadap UUKA, termasuk:

- mencegah dan menghukum jenayah perang melalui penggubalan undang-undang jenayah;
- melindungi lambang palang merah, bulan sabit merah dan kristal merah;[2]
- menggunapakai jaminan-jaminan asas dan kehakiman;
- menyebarluaskan pengetahuan tentang UUKA;
- melatih kakitangan yang berkelayakan dalam UUKA dan melantik penasihat undang-undang kepada angkatan tentera.

UHAM juga mengandungi peruntukan-peruntukan yang mewajibkan negara untuk melaksanakan peraturannya, sama ada dengan serta-merta atau secara progresif. Negara-negara mesti menerima pakai pelbagai langkah perundangan, pentadbiran, kehakiman dan lain-lain yang perlu untuk melaksanakan hak-hak yang diperuntukkan dibawah triti-triti. Ini termasuk menggubal undang-undang jenayah untuk mengharamkan dan membendung tindakan-tindakan yang dilarang dibawah triti-triti UHAM, atau menyediakan remedi dalam bidangkuasa mahkamah domestik untuk pelanggaran hak-hak tertentu dan memastikan remedi tersebut adalah berkesan.

> "UUKA mengikat semua pelaku konflik bersenjata, manakala UHAM menetapkan peraturan yang mengikat kerajaan dalam hubungan mereka dengan individu."

## ...PADA PERINGKAT ANTARABANGSA?

Berkenaan dengan pelaksanaan antarabangsa, negara-negara bertanggungjawab untuk menghormati dan memastikan penghormatan terhadap UUKA dalam semua keadaan. Sistem ini juga terdiri daripada mekanisme Kuasa Pelindung, prosedur siasatan dan Suruhanjaya Pencarian Fakta Kemanusiaan Antarabangsa yang digambarkan dalam Perkara 90 Protokol Tambahan I. Negara-negara pihak kepada Protokol I juga berjanji untuk bertindak dengan kerjasama Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dalam situasi pelanggaran serius Protokol I atau Konvensyen-Konvensyen Geneva.

ICRC ialah komponen utama sistem ini, berdasarkan mandat yang diamanahkan kepadanya di bawah Konvensyen-Konvensyen Geneva, Protokol Tambahannya dan Statut Pergerakan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah Antarabangsa. ICRC memastikan perlindungan dan bantuan kepada mangsa perang, menggalakkan negara-negara untuk melaksanakan obligasi UUKA mereka dan mempromosikan serta menyediakan apa-apa pembangunan UUKA. Hak inisiatif ICRC membolehkannya menawarkan perkhidmatannya atau melakukan apa-apa tindakan yang difikirkannya perlu untuk memastikan pemakaian tepat UUKA.

> *UUKA bertujuan melindungi orang yang tidak, atau tidak lagi terlibat dalam permusuhan. UUKA juga melindungi orang awam melalui peraturan tentang perlakuan permusuhan.*

Sistem kawal selia UHAM terdiri daripada badan yang ditubuhkan sama ada oleh Piagam Pertubuhan Bangsa- Bangsa Bersatu atau triti-triti utama UHAM. Organ utama berasaskan Piagam PBB ialah Majlis Hak Asasi Manusia. "Prosedur khas" juga telah dibangunkan oleh Majlis Hak Asasi Manusia sejak dua dekad yang lalu, iaitu pelapor khas tematik atau negara khusus, dan kumpulan kerja yang diamanahkan untuk memantau dan melaporkan situasi hak asasi manusia menurut mandat mereka.

Sepuluh triti utama UHAM juga memperuntukkan penubuhan jawatankuasa pakar bebas yang bertanggungjawab untuk memantau pelaksanaannya.

2 Konvensyen Geneva 1949 juga mengiktiraf singa merah dan matahari sebagai lambang lain. Walau bagaimanapun, kedua-duanya tidak lagi digunakan.

Peranan utama dimainkan oleh Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Hak Asasi Manusia yang mempunyai tanggungjawab utama untuk melindungi dan menyebarluaskan hak asasi manusia secara keseluruhan. Pejabat ini bermatlamat untuk meningkatkan keberkesanan jentera hak asasi manusia PBB, meningkatkan pelaksanaan dan penyelarasan hak asasi manusia di seluruh sistem PBB, membina kapasiti negara, serantau dan antarabangsa untuk menyebarluaskan dan melindungi hak asasi manusia serta menyebarkan teks dan maklumat tentang hak asasi manusia.

## ...PADA PERINGKAT SERANTAU?

Tugas mahkamah dan suruhanjaya hak asasi manusia serantau yang ditubuhkan di bawah triti utama hak asasi manusia serantau di Eropah, Amerika dan Afrika merupakan ciri UHAM yang berbeza, tanpa persamaan dengan UUKA. Walau bagaimanapun, mekanisme hak asasi manusia serantau, semakin banyak meneliti pelanggaran UUKA.

*UHAM, yang disesuaikan terutamanya semasa aman, terpakai kepada semua orang.*

Mahkamah Hak Asasi Manusia Eropah menjadi tumpuan sistem perlindungan hak asasi manusia Eropah di bawah Konvensyen Eropah 1950. Badan kawal selia serantau yang utama di Amerika ialah Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Antara Amerika dan Mahkamah Hak Asasi Manusia Antara Amerika. Suruhanjaya Afrika tentang Hak Asasi Manusia dan Rakyat serta Mahkamah Afrika tentang Hak Asasi Manusia dan Rakyat merupakan badan kawal selia yang ditubuhkan di bawah Piagam Afrika 1981.

**MISI**

Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah (*International Committee of the Red Cross* atau ICRC) ialah sebuah pertubuhan yang saksama, berkecuali dan bebas dengan misi kemanusiaannya yang khusus untuk melindungi nyawa dan maruah mangsa-mangsa konflik bersenjata dan situasi-situasi keganasan yang lain serta memberikan bantuan kepada mangsa-mangsa. ICRC juga berusaha untuk mencegah penderitaan dengan menyebarluaskan pengetahuan dan memperkukuh undang-undang kemanusiaan dan prinsip-prinsip kemanusiaan sejagat. Ditubuhkan pada 1863, ICRC berada pada asal usul Konvensyen-Konvensyen Geneva serta Pergerakan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah Antarabangsa. Jawatankuasa ini mengawal serta menyelaras aktiviti-aktiviti antarabangsa yang dijalankan oleh Pergerakan semasa berlakunya konflik-konflik bersenjata dan dalam situasi-situasi keganasan yang lain.

facebook.com/icrc
twitter.com/icrc
instagram.com/icrc

International Committee of the Red Cross
19, avenue de la Paix
1202 Geneva, Switzerland
T +41 22 734 60 01
shop.icrc.org
© ICRC, April 2021

ICRC

Cover photo: Q. Almoayed/ICRC
04.2021